



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RUMAWIP RESIDENSI RAMPAI II SIAP PADA TAHUN 2021

KUALA LUMPUR, 20 Mac 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Majlis Pelancaran Pecah Tanah RUMAWIP Residensi Rampai II, Taman Seri Rampai, Kuala Lumpur.

Projek ini dijangka akan memulakan pembinaannya di atas tanah berkeluasan 3.08 ekar pada Jun 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan 2021. Projek usaha sama antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan Pancaran Nilai Sdn Bhd bakal membina sebanyak 308 unit pangsapuri dengan keluasan 800 kaki persegi yang mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

Antara kemudahan lain yang dibina adalah seperti kolam renang dewasa dan kanak-kanak, gimnasium, taman permainan, tadika, surau, dewan serbaguna, pondok pengawal, pejabat pengurusan, landskap & sudut *barbeque*, gelanggang badminton, kedai dan parkir kereta berbumbung.

Sebelum ini, RUMAWIP Residensi Rampai telah mula diduduki oleh para pembeli pada 16 November 2016. Projek ini dibina dengan hanya memakan masa dua (2) setengah tahun sahaja untuk disiapkan iaitu tujuh (7) bulan lebih awal daripada jadual yang dirancang. Di atas kejayaan tersebut, maka Kerajaan melancarkan projek RUMAWIP Residensi Rampai II pula.

Sambutan hangat daripada warga Wilayah Persekutuan terhadap RUMAWIP ini adalah atas faktor lokasi yang sangat strategik dan menjanjikan peningkatan nilai hartanah yang baik kepada pembeli. Lokasi Residensi Rampai II sangat strategik kerana terdapat jalan raya utama di sekitarnya seperti Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) dan

Lebuhraya Damansara Ulu Klang (DUKE) serta kemudahan lain seperti pusat perniagaan, institusi kewangan, sekolah, kolej, pusat membeli belah dan lain-lain yang sekaligus memberikan kelebihan kepada pemilik di sini.

Sehingga kini, KWP telah berjaya mencapai sebanyak 53,246 unit atau 67% daripada sasaran keseluruhan pembinaan yang telah ditetapkan iaitu 80,000 unit. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh tersebut.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
20 Mac 2017
Kuala Lumpur